

22/10/2001

Kementerian bantu kesan balu layak terima pencen

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan membantu kerajaan mengumpul maklumat mengenai balu yang layak menerima pencen selepas mereka berkahwin semula seperti diumumkan dalam Belanjawan 2002.

Menterinya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata ketika ini, kementerian tidak mempunyai maklumat dan jumlah balu yang sudah berkahwin semula yang layak mendapat pencen itu.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mungkin mempunyai maklumat itu tetapi kementerian bersedia membantu mengumpul data bagi memastikan balu yang layak menerima kemudahan itu.

Katanya, pemberian pencen kepada balu yang berkahwin semula membuktikan kerajaan prihatin dengan hak wanita di negara ini.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana mengambil berat masalah wanita terutama balu yang berkahwin semula. Ini adalah bukti kerajaan mendengar rintihan dan suara wanita," katanya mengulas Belanjawan 2002 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Mengikut belanjawan itu, kerajaan akan terus memberi pencen kepada balu yang sudah berkahwin semula. Pada masa ini, balu yang menerima pencen suami akan kehilangan pencen jika mereka berkahwin semula.

Terdahulu beliau melancarkan Bazaar Kebajikan Jepun ke-29 anjuran Pertubuhan Wanita Jepun Malaysia di Hotel Mutiara, di sini, hari ini.

Kira-kira 300 pengunjung melawat bazaar sehari itu yang turut mengumpulkan lebih 10 gerai termasuk kraftangan, pakaian, peralatan rumah dan hiasan.

Hasil jualan bazaar sehari itu akan didermakan kepada rumah kebajikan di seluruh negara.

Shahrizat berkata, pemberian semula pencen kepada balu yang berkahwin semula adalah kejayaan besar bagi kementerian sejak ia ditubuhkan awal tahun ini.

"Sebelum ini, kementerian menerima banyak permintaan daripada balu terutama yang muda dan mempunyai anak supaya mereka diberikan pencen selepas berkahwin semula.

"Saya berharap balu yang sudah berkahwin semula tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan kerajaan ini, sebaliknya menggunakannya untuk perkara berfaedah bagi menampung perbelanjaan keluarga," katanya.

Sementara itu, Shahrizat dalam ucapannya berkata, kementeriannya mengadakan program kesedaran mengenai cintakan keamanan untuk masyarakat di negara ini.

Katanya, program berkenaan diselaraskan melalui kempen Antikeganasan yang dilancarkan Julai lalu.

"Melalui kempen itu, kita akan mendidik masyarakat khususnya wanita untuk membantu kerajaan mengekalkan keamanan dunia bagi kepentingan semua. Ketika ini, wanita dan kanak-kanak sering menjadi mangsa peperangan dan keganasan sedangkan mereka tidak berdosa.

"Saya menyeru wanita di negara ini menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk mendidik keluarga mereka supaya cintakan keamanan bagi mewujudkan dunia yang harmoni dan bebas daripada peperangan dan keganasan," katanya.

(END)